



Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B(33)

Tarikh : 31 Januari 2026

PEKELILING BURSAR BIL. 2 TAHUN 2026

GARIS PANDUAN DANA BUKAN KERAJAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM), mengenai Garis Panduan Dana Bukan Kerajaan (GPDBK) meliputi pengurusan belanjawan, penjanaaan dan pengurusan hasil, perolehan, pembayaran, pengurusan aset dan perakaunan.

Latar Belakang

2. GPDBK di Universiti Putra Malaysia telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 24 Disember 2024 melalui Minit LPU 181/08 dan pada 27 Oktober 2025, melalui Minit LPU 186/02.

3. Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk menambahbaik pengurusan kewangan universiti agar lebih cekap dan produktif bagi menyokong UPM dalam mempergiatkan usaha menjana pendapatan dana bukan kerajaan bagi membantu mengurangkan kebergantungan kepada dana daripada Kerajaan.

4. Garis Panduan ini juga merupakan punca kuasa UPM untuk melaksanakan pengecualian daripada peraturan kewangan Kerajaan yang berkuatkuasa bagi pengurusan kewangan yang menggunakan dana bukan kerajaan seterusnya meningkatkan tahap kecekapan dalam pengurusan kewangan yang menggunakan

dana bukan kerajaan di samping pematuhan kepada prinsip integriti, akauntabiliti, ketelusan, keadilan dan amalan tadbir urus yang baik oleh semua pihak di UPM.

Pemakaian Peraturan Mengikut Aktiviti Kewangan dan Peruntukan

5. Pemakaian peraturan dana bukan kerajaan adalah berdasarkan kepada aktiviti kewangan yang dinyatakan dan mengikut kategori dana yang diperolehi bagi aktiviti tersebut berdasarkan jenis peruntukan seperti yang dinyatakan dalam garis panduan.

Peraturan Mengikut Proses Kewangan

6. GPDBK di Universiti Putra Malaysia adalah seperti di **Lampiran 1**.

7. Garis panduan ini merangkumi 4 Seksyen dan merangkumi lima (5) skop aktiviti belanjawan utama universiti iaitu:

a) Seksyen

- i) Seksyen 1: Pengenalan
- ii) Seksyen 2: Bidang Kuasa dan Akauntabiliti
- iii) Seksyen 3: Skop
- iv) Seksyen 4: Peraturan Dana Bukan Kerajaan

b) Aktiviti Belanjawan Utama

- i) Mengurus (pengajaran dan pembelajaran)
- ii) Pembangunan
- iii) Penyelidikan
- v) Amanah
- vi) Kolej kediaman

Bidang Kuasa dan Akauntabiliti

8. Pelaksanaan, Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus hendaklah berlandaskan nilai integriti, akauntabiliti, cekap, telus, adil dan memberi pulangan kepada Universiti.

9. Pengurusan kewangan **SELAIN** daripada skop yang dinyatakan dalam garis panduan ini hendaklah mematuhi semua polisi, tatacara dan pekeliling kerajaan semasa yang masih berkuatkuasa, dan perolehan yang tidak sebulat suara hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk membuat keputusan.

10. Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTJ)/ Ketua Projek hendaklah memastikan:-

- (i) peruntukan dana bukan kerajaan mencukupi sebelum proses perolehan dan pembayaran dibuat **Sekiranya peruntukan tidak mencukupi semasa proses bayaran, pendahuluan diri hendaklah dipohon atas nama pegawai berkenaan dan pelarasan melalui gaji akan dibuat kepada KPTJ/Pemegang Amanah/Ketua Projek/Penyelidik Bersama;**
- (ii) semua perolehan dirancang agar tiada berlaku pecah kecil perolehan mengikut kaedah perolehan yang telah ditetapkan dan mematuhi semua pekeliling Pejabat Bursar, UPM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa;
- (iii) perolehan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta tadbir urus yang baik demi memastikan objektif perolehan ini tercapai dan kepentingan UPM adalah sentiasa terpelihara;
- (iv) invois dikemukakan pada tahun semasa bagi mengelakkan pembayaran melangkau tahun selaras dengan peraturan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS 1);
- (v) Pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan melibatkan sumber dalaman wajib menandatangani dokumen '*Integrity Pact*' dan disimpan bersama dengan Surat Perwakilan Kuasa oleh PTJ;
- (vi) Risiko kewangan yang wujud akibat daripada ketakakuran kepada tatacara ini akan menjadi tanggungjawab KPTJ dan Pegawai yang terlibat serta tertakluk kepada peraturan AP59 atau akta acara kewangan yang berkaitan.

Pemakaian dan Kuatkuasa Pekeliling

10. Dokumen rujukan seperti garis panduan, senarai semak, soalan lazim (*Frequently Asked Question*) berkenaan dengan Dana Bukan Kerajaan boleh dirujuk secara terus di laman sesawang Pejabat Bursar, UPM.


11. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada 3 Februari 2026 dan sebarang pertanyaan berkenaan pekeling ini boleh dikemukakan kepada Pejabat Bursar, UPM berdasarkan kepada proses kewangan berikut:-

□ Belanjawan	03 – 9769 6206
□ Penjanaan dan Pengurusan Hasil	03 – 9769 1373
□ Perolehan	03 – 9769 6239/1495
□ Pembayaran	03 – 9769 1360/3542
□ Pengurusan Aset	03 – 9769 6218
□ Perakaunan/Akaun Amanah	03 – 9769 8006

Sekian terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”
“MALAYSIA MADANI”

Saya yang menjalankan amanah,



Siti Amira binti Shukor
Bursar

Edaran :

Semua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/ SARAWAK/ PORT DICKSON